



TUN DATUK PATINGGI TAN SRI TEMENGGUNG JUGAH ANAK BARIENG

PENGENALAN

Tun Datuk Patinggi Temenggung Jugah Anak Barieng atau dikenali sebagai Tun Jugah ataupun Apai ialah seorang ahli politik Malaysia. Beliau pernah menjadi Ketua Orang Iban dan menubuhkan Parti Pesaka pada tahun 1962. Temenggung Jugah menyokong cadangan penubuhan Malaysia. Beliau menganggotai Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia. Beliau adalah pemimpin Sarawak yang pertama dilantik menjadi Menteri dalam Kerajaan Malaysia dengan memegang jawatan Menteri yang menguruskan hal ehwal Sarawak. Beliau kemudiannya menjadi presiden pertama bagi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1981.



BIODATA

TUN DATUK PATINGGI TAN SRI TEMENGGUNG JUGAH ANAK BARIENG

Nama penuh: Jugah anak Barieng

Tahun kelahiran: 1903

Tempat kelahiran: Rumah Panjang, Sungai Merirai, Kapit,
Sarawak.

Nama bapa: Barieng anak Gawing

Nama ibu: Menti anak Melintang

Nama isteri: Toh Puan Tiong anak Anding

Bilangan anak: 5 orang

Tarikh meninggal dunia: 8 Julai 1981 (78 tahun)

Tempat disemadikan: Tanah Perkuburan Methodist



KERJAYA

- 1 Januari 1928 - dilantik sebagai Penghulu bagi kawasan Merirai dan Baleh pada umur 26 tahun.
- 24 April 1952 - dilantik sebagai ahli Majlis Negeri (Majlis Undangan).
- 8 Februari 1955 - dilantik sebagai Temenggong bagi bahagian Kapit dan Pengerusi bagi Majlis Daerah Kapit.
- 1963 - dipilih sebagai ahli Parlimen.
- 1970 hingga 1974 - dilantik sebagai Menteri Hal Ehwal Sarawak di Peringkat Kerajaan Persekutuan setelah memenangi Pilihanraya Umum.
- 1 Oktober 1974 - President Majlis Adat Istiadat.

ANUGERAH DAN DARJAH KEBESARAN

- Dianugerahkan King's Medal for Courage of Freedom diatas keberanian beliau menentang penjajahan Jepun di Sarawak (I947).
- "Order of The British Empire (OBE-I958)".
- Darjah Panglima Negara Bintang Sarawak (Datuk - I964).

- Panglima Gemilang Darjah Kinabalu (Datuk I964).
- Darjah Yang Mulia Panglima Mangku Negara (Tan Sri - I964).
- Datuk Amar Bintang Kenyalang (Datuk Amar - I973).

- Datuk Patinggi Bintang Kenyalang (Datuk Patinggi - I977).
- Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia (Tun - I98I).
- Mengasaskan Parti Pesaka Anak Sarawak (pada tahun I962).

PERANAN


TUN DATUK PATINGGI TAN SRI TEMENGGUNG JUGAH ANAK BARIENG (1903 - 8 Julai 1981)



- Memainkan peranan penting dalam Upacara Pendamaian Kapit antara kaum Iban dan Orang Ulu (Kayan, Kenyah dan Kajang) pada 16 November 1924.
- Memperjuangkan kemerdekaan Sarawak menerusi penubuhan Malaysia. Pada 15 Januari 1962, beliau telah mendapat persetujuan 51 orang Penghulu dan Pegawai Daerah di Kapit untuk menyertai Tanah Melayu, Sabah dan Singapura dalam penubuhan Malaysia.
- Terlibat dalam Perundingan Damai Malaysia-Indonesia di Bangkok, Thailand yang diketuai oleh Tun Abdul Razak Hussein.
- Beliau adalah salah seorang wakil Sarawak yang menandatangani Perjanjian Penubuhan Malaysia di London pada 9 Julai 1963.

TUN JUGAH: 'APAI' PENYATU BUMIPUTERA SARAWAK

Tokoh Negarawan Tun Datuk Patinggi
Temenggung Jugah Anak Barieng merupakan
antara tokoh terawal yang menyokong
pembentukan Malaysia kerana mengetahui akan
faedah yang bakal diperoleh oleh rakyat
Sarawak daripada pembentukan tersebut.





PENGLIBATAN

TUN DATUK PATINGGI TAN SRI TEMENGGUNG JUGAH ANAK BARIENG

- Mengasaskan Parti Pesaka Anak Sarawak (pada tahun 1962).
- Dilantik sebagai salah seorang ahli jawatankuasa State Operation Committee (SOC) ketika negara sedang menghadapi ancaman komunis.
- Pada tahun 1952, Tun Jugah telah diberi penghormatan untuk menjadi wakil Sarawak bagi menghadiri istiadat pertabalan Queen Elizabeth II London pada 19 Julai 1963.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Tun Jugah menjadi tetamu Kerajaan Australia, Jepun, Taiwan, Hong Kong dan Korea (1960-an).
- Pada 29 Januari 1985, Yayasan Tun Jugah telah ditubuhkan bagi memperingati jasa dan sumbangan beliau.
- Tun Jugah gemar memburu, memancing dan memelihara ikan, mengembara, fotografi, mendengar radio, tarian-tarian moden dan Ngajat, serta tarian-tarian asli orang Iban.



SUMBER:

- anyflip.com/fimuc/gxnv/basic
- <https://anyflip.com/iwlqs/nsez/basic>
- <https://www.kpm.gov.my/sejarah-sarawak>
- Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam
- www.jkom.gov.my



TERIMA KASIH